

Karangkraf sedia pemeriksaan kesihatan percuma kepada kakitangan, keluarga

SHAH ALAM - Kumpulan Karangkraf (Karangkraf) menyediakan pemeriksaan kesihatan yang menyeluruh secara percuma kepada semua kakitangannya bagi membantu mengurangkan beban mereka memandangkan kos saringan itu semakin meningkat.

Ketua Jabatan Pemasaran Grup Sinar Karangkraf, Nik Justin Nik Mohd Ariffin berkata, pemeriksaan kesihatan memerlukan kos yang tinggi iaitu lebih RM100 jika dibuat di mana-mana klinik atau hospital swasta.

Menurutnya, melalui program itu, kakitangan syarikat boleh melakukan pelbagai ujian kesihatan termasuk memeriksa kandungan

gula, kolesterol dalam darah, tekanan darah, ukuran indeks jisim tubuh badan (BMI), ujian air kencing serta sesi kaunseling secara percuma.

"Dengan faktor ekonomi sekarang, harga pemeriksaan kesihatan juga naik. Kalau seorang RM100, tambah anak dan isteri sudah pasti kos semakin meningkat sedangkan ia perlu dilakukan secara berkala.

"Sebagai tanda keprihatinan syarikat kepada kakitangan, kami menganjurkan pemeriksaan kesihatan secara percuma bukan sahaja kepada mereka yang berkhidmat dengan Karangkraf malah keluarga juga," katanya pada Rabu.

Program yang mendapat kerjasama daripada Yayasan Buah Pinggang Kebangsaan (NKF) itu bermula pada jam 9.30 pagi hingga 3.30 petang, Rabu di Kompleks Karangkraf, di sini.

Tambah Nik Justin, pihaknya menyasarkan program seumpama itu diadakan empat kali setahun bagi memastikan semua kakitangan berada dalam keadaan sihat.

"Saya rasa kerja efisien bergantung kepada kesihatan pekerja yang optimum, kita bekerja dalam bidang media, semuanya tidak menentu. Jadi, kesihatan pekerja adalah tanggungjawab syarikat.

"Alhamdulillah, sambutan hari ini sangat menggalakkan" katanya.



Pegawai perubatan dari Yayasan Buah Pinggang Kebangsaan (NKF) mengambil bacaan tekanan darah kakitangan Karangkraf.